


Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 July 2015



KOTA BHARU 22 Julai - UMNO Kelantan akan tetap bersatu mempertahankan Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dipilih melalui pilihan raya meskipun pelbagai tuduhan dilemparkan kepada beliau sejak akhir-akhir ini.

Ketua Penerangannya, Datuk Md. Alwi Che Ahmad berkata, percaturan politik tidak semudah permainan bola sepak dan bukan senang untuk menukar seorang Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihan raya.

"Kita tidak boleh tukar Perdana Menteri seperti pemain bola, macam Kelantan tu- kar jurulatih, tidak boleh. Kita tak seronok dengan jurulatih tersebut dan kita dengar kata penonton, kita tidak boleh ubah begitu saja.

"Ini adalah Perdana Menteri, kita bukan mempertahankan Najib dalam konteks individu, tetapi mempertahankan beliau sebagai Presiden parti serta Perdana Menteri yang dipilih menerusi pilihan- raya yang sah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Rumah Ter- buka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Kok Lanas di kediamannya di sini malam tadi.

Pada majlis tersebut, lebih 5,000 tetamu yang terdiri daripada pem- 'impin parti, orang kenamaan serta rakyat hadir memeriahkan sambu-

tan rumah terbuka Dericenaan.

Md. Alwi yang juga Ahli De- wan Undangan Negeri (ADUN) Kok Lanas berkata, kepemimpinan UMNO bahagian mahupun negeri seharusnya mengambil tanggung- jawab untuk membetulkan persep- si buruk masyarakat ter- hadap parti.

"Saya berharap parti dapat bertenang dan rakyat diminta jangan menghukum seseorang sebelum dia didapati bersalah. Dalam kes Na- jib yang dituduh bertalu- talu, beliau kena ha- dapinya dengan tenang dan yakin.

"Kalau kita tidak ber- salah, kita tidak perlu takut kerana sebelum ini Tun Dr. Mahathir (Mohamad) juga kena tuduh tetapi dia hadapinya dengan tenang," ka- tanya.

Menyentuh hasrat pemimpin Pas yang mahu keluar daripada parti itu dan menubuhkan parti baharu, Md. Alwi berkata, keputu- san tersebut adalah pilihan mereka kerana Malaysia adalah negara demokrasi.

"Dari dulu saya sebut, orang yang masuk Pas bukan masuk aga- ma Islam, tetapi masuk parti dan sekarang terbukti apa yang saya se- but betul.

"Ahli parti boleh keluar masuk, kalau masuk Islam tidak boleh kel- uar nanti murtad. Jadi, kalau keluar Pas tidak murtad, ini bererti Islam bukan.Pas," katanya.



MD. ALWI CHE AHMAD